

FAKULTI KOMPUTERAN DAN INFORMATIK (FKI)

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:-

Pejabat Am

Fakulti Komputeran dan Informatik (Labuan)

Tel : 6087-503000
Samb : 410300
Faks : 6087-503114
E-mel : pejfki@ums.edu.my

Pejabat Am

Fakulti Komputeran dan Informatik (Kota Kinabalu)

Tel : 6088 - 320 000
Samb : 210600
Faks : 6088 - 329235
E-mel : pejfki@ums.edu.my

PENGENALAN

Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) yang dulunya dikenali sebagai Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) telah ditubuhkan pada Mei 1999 bertujuan untuk menawarkan bidang teknologi maklumat yang bersifat 'soft science' dan berorientasikan persekitaran perdagangan. Pada Oktober 2003 Universiti Malaysia Sabah telah diiktiraf sebagai status MSC oleh pihak Multimedia Development Corporation (MdeC). Pengiktirafan ini merupakan satu aras bertaraf dunia yang diberi oleh Kerajaan Malaysia kepada SSIL sebagai salah satu entiti yang berpotensi menghasilkan graduan yang berkualiti. Sewaktu penubuhan, SSIL hanya menawarkan dua program, namun pada 1 Jun 2014, SSIL telah dinaiktaraf kepada fakulti dengan diberi nama Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI). Melalui penaik tarafan ini, dua buah program dari Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM) UMS Kampus Induk telah digabungkan di bawah

FKI. Ini menjadikan program yang ditawarkan di bawah FKI kepada lima iaitu:

- Sarjana Muda Sains (Teknologi Multimedia) dengan Kepujian
- Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Komputeran Perniagaan) dengan Kepujian
- Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dengan Kepujian
- Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Rangkaian) dengan Kepujian
- Sarjana Muda Sains Komputer (Sains Data) dengan Kepujian

Perkembangan teknologi maklumat dan pengkomputeran amat ketara sekali malah ianya dianggap sebagai suatu aspek penting dalam kehidupan manusia seharian. Sejajar dengan itu, penguasaan ilmu ICT yang terhasil daripada kecanggihan penggabungan peranan di antara teknologi maklumat dan teknologi komunikasi akan merealisasikan matlamat dunia tanpa sempadan, dimana penyampaian ilmu dan maklumat tidak dibatasi oleh masa dan fizikal. Justeru pelaksanaan sesuatu kerja dapat dilakukan dengan lebih cekap dan dinamik.

FAKULTI KOMPUTERAN DAN INFORMATIK (FKI)

MISI

Fakulti Komputeran dan Informatik bertekad mencapai kecemerlangan ilmiah dalam bidang teknologi maklumat serta mencapai pengiktirafan antarabangsa menerusi pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penerbitan, khidmat masyarakat dan keseimbangan pengkhususan.

VISI

Fakulti Komputeran dan Informatik bertekad menjadi sebuah pusat kecemerlangan dalam bidang teknologi maklumat yang berinovatif, kreatif dan bertaraf dunia.

OBJEKTIF

- Membangun dan meningkatkan kelestarian persekitaran bagi tujuan penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran disamping memperkembangkan ilmu bidang komputeran, komputeran perniagaan dan teknologi maklumat.
- Menyediakan program yang seimbang dari segi teori dan praktis yang akan menjadi asas kepada pelajar dalam pembentukan kerjaya professional mereka khususnya dalam bidang komputeran, komputeran perniagaan dan teknologi maklumat.
- Memperbaiki dan menempatkan kedudukan fakulti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dari segi kajian, pengajaran, dan pembelajaran.
- Menyediakan peluang kepada pelajar di dalam pembangunan kerjaya mereka melalui pendidikan yang berkualiti tinggi.
- Memastikan kursus yang berkualiti menjurus kepada yang terkini-teknik terbaru dan sejajar dengan keperluan industri semasa.

PROGRAM DITAWARKAN

HC12 TEKNOLOGI MULTIMEDIA

Sarjana Muda Sains (Teknologi Multimedia) dengan Kepujian merupakan program sarjana muda yang ditawarkan oleh Fakulti Komputeran dan Informatik di Kampus Antarabangsa Labuan Pendekatan pengajaran dalam program ini adalah secara teori dan praktikal. Program ini akan memperlengkapkan pelajar dengan asas kemahiran dalam bidang seperti media interaktif, seni grafik, teknologi audio, animasi video dan penerbitan. Pelajar juga akan didedahkan dengan kemahiran menggunakan perkakasan multimedia dan bahasa pengaturcaraan yang terkini seterusnya mempertingkatkan lagi teknik pelajar dalam merekabentuk dan membangunkan aplikasi multimedia.

Prospek Kerjaya

Graduan Ijazah Sarjana Muda Sains (Teknologi Multimedia) dengan Kepujian berpeluang menceburi bidang pekerjaan seperti:

FAKULTI KOMPUTERAN DAN INFORMATIK (FKI)

Animotor Komputer, Pakar Video, Pereka Grafik Komputer, Pengaturcara Pereka Antara Muka, Pereka Pangkalan Data dan Pembangun Aplikasi Interaktif Multimedia.

HC13 KOMPUTERAN PERNIAGAAN

Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Komputeran Perniagaan) dengan Kepujian merupakan program sarjana muda yang ditawarkan oleh Fakulti Komputeran dan Informatik di Kampus Antarabangsa Labuan. Program ini menumpukan kepada kemahiran pembangunan sistem atas talian dan pengetahuan mengenai perniagaan secara elektronik yang merangkumi topik-topik pemasaran, perniagaan dan teknikal. Pelajar akan didedahkan dengan operasi komputer perniagaan melalui peringkat pembentangan, peringkat perniagaan dan capaian pangkalan data. Program sarjana muda ini menekankan pengajaran dalam kecekapan komputer, pembangunan laman komputeran perniagaan, pengaturcaraan dan pemasaran internet. Program ini mengikuti perkembangan terkini dalam sekitaran teknologi komputeran perniagaan.

Prospek Kerjaya

Graduan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Komputeran Perniagaan) dengan Kepujian berpeluang menceburi bidang pekerjaan seperti: pembangun laman web, pereka aplikasi laman web, pereka laman web interaktif, pereka Pendidikan laman web, pengaturcara, penganalisis sistem, pereka pangkalan data dan penganalisis rangkaian.

HC00 KEJURUTERAAN PERISIAN

Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) merupakan program yang ditawarkan oleh Fakulti Komputeran dan Informatik di Kampus Induk, Kota Kinabalu. Tujuan penawaran program ini adalah untuk menghasilkan graduan yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang sains komputer dan kejuruteraan perisian. Pelajar akan didedahkan dan dilatih tentang asas sistem komputer dan juga teknologi terkini dalam bidang sains komputer amnya dan pembangunan perisian khususnya. Antara kursus-kursus yang ditawarkan adalah pengaturcaraan komputer, pengaturcaraan berorientasikan objek, pengujian dan kualiti perisian, pengurusan dan evolusi perisian, interaksi manusia dan komputer dan lain-lain. Selain daripada kemahiran teknikal, pelajar juga akan didedahkan dengan pelbagai kemahiran insaniah melalui kursus-kursus yang diambil. Di tahun akhir pengajian, pelajar perlu menjalani latihan industri dan juga menyiapkan satu projek yang berkaitan dengan pembangunan perisian dari pelbagai disiplin di bawah seliaan pensyarah akademik dengan mengaplikasikan teori dan latihan yang telah dipelajari.

Prospek Kerjaya

Graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dengan Kepujian berpeluang menceburi bidang pekerjaan seperti Pengaturcara Komputer, Jurutera Perisian, Juruanalisa Sistem, Pentadbir Pangkalan Data, Juruanalisa Sistem Komputer, Pakar Sokongan Komputer dan banyak lagi.

HC05 KEJURUTERAAN RANGKAIAN

Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Rangkaian) merupakan program yang ditawarkan oleh Fakulti Komputeran dan Informatik di Kampus Induk, Kota Kinabalu. Tujuan penawaran program ini adalah bagi menghasilkan graduan yang berkemahiran dan mempunyai pengetahuan mendalam mengenai bidang sains komputer dan rangkaian. Kursus yang ditawarkan adalah selari dengan silibus standard IEEE dan ACM Computing. Pelajar akan didedahkan dan dilatih asas-asas pengaturcaraan komputer, analisis dan rekabentuk sistem, komunikasi data, rangkaian komputer, Sistem teragih, pengurusan sistem, pengurusan rangkaian dan pengkomputeran tanpa wayar dan mudah alih. Di samping itu, beberapa modul daripada *Cisco Networking Academy* turut diintegrasikan di dalam kursus-kursus terpilih. Selain daripada kemahiran teknikal, kemahiran insaniah seperti kemahiran berkomunikasi, kerjasama dalam kumpulan dan kemahiran dalam pengurusan turut diterapkan ke dalam kursus-kursus yang ditawarkan. Pelajar juga akan didedahkan dengan aplikasi teori dan kemahiran yang dipelajari di kelas dalam proses penyelesaian masalah melalui latihan industri dan projek tahun akhir.

Prospek Kerjaya

Graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Rangkaian) dengan Kepujian berpeluang menceburi bidang pekerjaan seperti Pentadbir Rangkaian, Pengurus LAN, Merancang, Merekabentuk, Memasang dan Mengurus Sistem Rangkaian.

Prospek Kerjaya Lain

Graduan keempat-empat program ini juga dapat menceburi peluang pekerjaan yang meliputi bidang seperti: pengiklanan dan pemasaran, filem dan televisyen, industri hiburan, Perunding Bebas, sektor awam, industri ICT, pemasaran dan e-pemasaran, pendidikan awam, Pengoperasi Rangkaian, gedung perisian dan Pengurus Teknologi Maklumat.

HC14 SAINS DATA

Sarjana Muda Sains (Sains Data) dengan Kepujian merupakan program sarjana muda yang ditawarkan oleh Fakulti Komputeran dan Informatik di Kampus Induk Kota Kinabalu. Tujuan penawaran program ini adalah untuk menghasilkan graduan yang mahir dan berkebolehan di dalam bidang sains data, selaras dengan pertumbuhan pesat industri yang memerlukan kepakaran saintis data. Pelajar akan didedahkan dan dilatih tentang asas-asas sains komputer, ilmu sains dan analisis terutamanya dalam perlombongan data, teknik visualisasi, model-model ramalan, dan statistik. Pelajar juga turut didedahkan dengan pengalaman penyelidikan Sains Data dan latihan industri pada tahun terakhir pengajian mereka. Antara kursus yang ditawarkan termasuklah pengaturcaraan komputer, asas sains data, visualisasi data, analisa data, perlombongan data, analisis dan rekabentuk sistem untuk sains data, dan bahasa-bahasa pengaturcaraan yang lain.

Prospek Kerjaya

Graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Sains Data) dengan Kepujian berpeluang menceburi kerjaya dalam bidang data perniagaan, pembangunan web, pembangunan pangkalan data, reka bentuk aplikasi mudah alih, serta kerjaya berkaitan penyelidikan dalam bidang pembelajaran mesin dan kecerdasan buatan.

